

(24 April 2022) - BH, D8

# Bazar Aidilfitri Lorong TAR catat 210,000 pengunjung

**Kuala Lumpur:** Sejumlah 210,000 pengunjung direkodkan membeli-belah di Bazar Aidilfitri di Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR) 2022 untuk persiapan hari raya sejak bazar itu beroperasi pada 9 April lalu sehingga kelmarin.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, berkata jumlah pengunjung harian tertinggi direkodkan pada 17 April lalu, iaitu seramai 21,600 orang.

“Selain perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) pemakaian pelitup muka, pengun-

jung dinasihati sentiasa berwaspada dan menjaga keselamatan, terutama mereka yang membawa kanak-kanak kecil.

“Saya juga menasihatkan pengunjung yang mahu datang supaya menggunakan pengangkutan awam seperti bas atau Transit Aliran Ringan (LRT) bagi mudah bergerak tanpa perlu membuang masa mencari tempat letak kereta yang berkurangan,” katanya dalam satu video dimuat naik dalam Facebook Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kelmarin.

Bazar Aidilfitri Lorong TAR

2022 beroperasi sehingga 2 Mei ini membabitkan 206 petak khemah dengan waktu operasi dari jam 10 pagi hingga jam 12 tengah malam kecuali pada Jumaat, Sabtu dan Ahad hingga jam 2 pagi.

Mahadi berkata, seramai 420 anggota penguat kuasa, termasuk DBKL, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Jabatan Imigresen ditugaskan untuk melakukan pemantauan keselamatan di bazar itu, selain memastikan aliran trafik sentiasa lancar.

BERNAMA



Bazar Aidilfitri Lorong TAR 2022 beroperasi sehingga 2 Mei ini babitkan 206 petak khemah.  
(Foto Aizuddin Saad/BH)